


Dikeluarkan oleh:
Sekretariat Sabah Maju Jaya (SSMJ)



SOALAN LAZIM (FAQ) PROGRAM SENTUHAN KASIH RAKYAT TAHUN 2026

PENGENALAN

1. S: Apakah Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah?

J: Program ini diwujudkan selaras dengan pengumuman Belanjawan Negeri Sabah 2025 berkaitan inisiatif pembasmian kemiskinan melalui pelaksanaan Program Sentuhan Kasih Rakyat.

Selaras dengan Pengumuman Belanjawan Negeri Sabah 2026, pelaksanaan Program Sentuhan Kasih Rakyat diteruskan pada tahun 2026 dengan bantuan sebanyak RM200 sebulan disalurkan kepada golongan miskin dan miskin tegar bagi tempoh satu (1) tahun sehingga 31 Disember 2026.

2. S: Kenapa bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat (SYUKUR) dikurangkan daripada RM300 ke RM200 sebulan?

J: Kadar bantuan SYUKUR telah distruktur semula kepada RM200 sebulan bagi tahun 2026. Penstrukturan semula kadar bantuan ini dibuat selaras dengan semakan semasa **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)**, untuk memastikan bantuan dapat disalurkan secara lebih tersasar dan berfokus. Langkah ini juga membolehkan liputan program diperluaskan agar lebih ramai golongan miskin dan miskin tegar yang layak dapat menerima manfaat secara berterusan.

3. S: Apakah kesan penstrukturan semula ini kepada penerima?

J: Penstrukturan semula ini membolehkan liputan bantuan diperluaskan agar lebih ramai golongan miskin dan miskin tegar layak menerima manfaat secara adil dan berterusan, selaras dengan keupayaan peruntukan sedia ada.

4. S: Siapakah yang layak menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat?

J: Golongan yang layak menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat 2026 adalah seperti yang berikut;

- **Kriteria asas**

- a. Individu berumur 18 tahun ke atas sebelum 14 Januari 2026 (perlu memenuhi semua kriteria berikut)
 - i. Warganegara Malaysia; dan
 - ii. Beralamat dan bermastautin di negeri Sabah sekurang-kurangnya satu (1) tahun; dan
 - iii. Pemegang Kad Pengenalan berstatus 'H'.

- **Serta memenuhi salah satu kriteria berikut**

- b. Ketua Isi Rumah (KIR) yang berstatus miskin atau miskin tegar di dalam pangkalan data eKasih dan PADANS setakat 14 Januari 2026; **atau**
- c. Ketua Isi Rumah (KIR) yang tercicir daripada sistem eKasih dengan pendapatan isi rumah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)*; **atau**
- d. Ketua Isi Rumah (KIR) miskin atau miskin tegar di dalam pangkalan data ekasih dan PADANs pada tarikh data semakan berkala berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan 2024.
 - i. **Tarikh semakan:**
 - 14 Januari 2026 – Bagi penerima Fasa 1 dan 2; dan
 - 31 Jun 2026 - Bagi Penerima Fasa 3 dan 4.

Bagi kategori miskin

- ii. Ketua Isi Rumah sahaja (seorang penerima); **atau**

Bagi kategori miskin tegar

- iii. Ketua Isi Rumah (KIR) dan pasangan. Sekiranya tidak mempunyai pasangan, salah satu Ahli Isi Rumah layak sebagai penerima; **atau**
- iv. Ketua Isi Rumah (KIR) dan pasangan serta satu (1) Ahli Isi Rumah/ anak di bawah tanggungan berumur 18 tahun ke atas bagi kategori miskin tegar sekiranya penerima di para (c.ii) masih di bawah paras kemiskinan tegar walaupun telah menerima bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat.

Penerima yang berkelayakan perlu memenuhi kesemua syarat kelayakan dalam para (a) dan memenuhi salah satu syarat kelayakan sama ada perkara (b), (c) atau (d).

*Nota : Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Tahun 2024 bagi Isi Rumah miskin di Negeri Sabah ialah isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM 2,843 dengan nilai per kapita RM 720 setiap individu. Manakala miskin tegar pula didefinisikan sebagai isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM 1,257 dengan nilai per kapita RM 310 setiap individu.

Miskin Tegar (RM)		Miskin (RM)	
Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita
1,257	310	2,843	720

5. S: Apakah tujuan bantuan ini?

J: Tujuan bantuan ini ialah:

- i. Meringankan beban kewangan penerima, khususnya untuk mendapatkan keperluan asas;
- ii. Membantu golongan yang memerlukan supaya dapat menjalani kehidupan yang lebih wajar;
- iii. Mengurangkan kadar kemiskinan tegar di negeri Sabah; **dan**
- iv. Sebagai tanda prihatin dan kasih kerajaan kepada golongan rakyat dan agihan mengikut keutamaan.

PENGAGIHAN**6. S: Bilakah agihan Program Sentuhan Kasih Rakyat 2026?****J: Fasa pengagihan adalah seperti berikut:**

Fasa	Kategori	Pengagihan
Fasa 1* Januari – Mac	Mempunyai akaun bank dikreditkan terus ke dalam akaun bank	Februari – Mac 2026
	Tiada akaun bank Pembayaran tunai akan dimaklumkan dari semasa ke semasa	Februari – Mac 2026
Fasa 2 April – Jun	Mempunyai akaun bank dikreditkan terus ke dalam akaun bank	Mei – Jun 2026
	Tiada akaun bank Pembayaran tunai akan dimaklumkan dari semasa ke semasa	Mei – Jun 2026
Fasa 3 Julai – September	Mempunyai akaun bank dikreditkan terus ke dalam akaun bank	Ogos – September 2026
	Tiada akaun bank Pembayaran tunai akan dimaklumkan dari semasa ke semasa	Ogos – September 2026

Fasa	Kategori	Pengagihan
Fasa 4 Oktober - Disember	Mempunyai akaun bank dikreditkan terus ke dalam akaun bank	November – Disember 2026
	Tiada akaun bank Pembayaran tunai akan dimaklumkan dari semasa ke semasa	November – Disember 2026

* Nota: Penerima bagi Fasa 1 dan Fasa 2 adalah golongan miskin tegar dan miskin dalam pangkalan data eKasih dan data PADANS setakat 14 Januari 2026.

** Nota: Permohonan yang diterima pada 15 Januari 2026 sehingga 31 Jun 2026 akan diproses secara berkala pada Jun 2026. Agihan bagi penerima yang layak akan bermula pada Fasa 3 dan Fasa 4.

Tarikh boleh diubah dan tertakluk kepada terma serta syarat yang berkenaan.

7. S: Bagaimana kaedah saluran bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat 2026 dilaksanakan?

J: Kaedah pembayaran adalah seperti yang berikut

- v. Bantuan akan disalurkan terus ke akaun bank penerima; atau
- vi. Bayaran akan diberikan secara tunai.

8. S: Berapakah amaun bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat 2026 yang akan diterima oleh penerima?

J: Kadar bantuan Program Sentuhan Kasih Rakyat 2026 adalah sama bagi setiap penerima iaitu RM200 sebulan. Amaun bantuan yang akan diterima adalah secara berfasa. Amaun bantuan bagi setiap fasa adalah seperti berikut:

Fasa	Amaun Bantuan
Fasa 1 Januari – Mac	600.00

Fasa	Amaun Bantuan
Fasa 2 April – Jun	600.00
Fasa 3 Julai – September	600.00
Fasa 4 Oktober - Disember	600.00

9. S: Bagaimanakah kaedah permohonan baharu bagi Program Sentuhan Kasih Rakyat Tahun 2026?

J: Permohonan baharu boleh didaftarkan melalui <https://padans.sabah.gov.my/>

10.S: Saya telah membuat permohonan baharu bagi Program Sentuhan Kasih Rakyat Tahun 2026 melalui sistem PADANS. Bilakah bantuan akan mula diagihkan?

J: Bagi permohonan baharu melalui sistem PADANS yang diterima pada 15 Januari 2026 sehingga 31 Jun 2026 verifikasi permohonan akan diproses pada Jun 2026. Sekiranya Layak/Lulus, pembayaran akan bermula pada Fasa 3 dan Fasa 4. Ini bermaksud tiada tunggakan agihan dibuat untuk Fasa 1 dan Fasa 2.

11.S: Adakah saya perlu membuat permohonan baharu jika saya telah memohon?

J: Tidak perlu. Sekiranya terdapat keperluan untuk mengemas kini maklumat, sila hadir ke Pejabat Daerah berdekatan atau Ibu Pejabat Sekretariat Sabah Maju Jaya.

12.S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status agihan ke dalam akaun?

J: Status Program Sentuhan Kasih Rakyat boleh disemak di laman web <https://syukur.sabah.gov.my/> .

13. S: Bagaimanakah kaedah untuk mengetahui sekiranya bantuan telah dikreditkan ke dalam akaun?

J: Notifikasi pembayaran melalui laman Facebook rasmi Sekretariat Sabah Maju Jaya <https://www.facebook.com/SekretariatSMJ> atau melalui Pegawai MySMJ:Profil di daerah.

14. S: Bagaimanakah kaedah untuk mengetahui tarikh agihan bantuan secara tunai diberikan?

J: Makluman pembayaran akan dimaklumkan melalui laman Facebook rasmi Sekretariat Sabah Maju Jaya <https://www.facebook.com/SekretariatSMJ> setiap kali agihan dilaksanakan.

15.S: Apakah inisiatif bagi mengenalpasti penerima yang tercicir/ tinggal di pedalaman dan tidak mempunyai akses kepada pejabat daerah/sistem permohonan?

J: Individu boleh mengemukakan aduan kepada Ketua Kampung atau JKKK untuk diserahkan kepada Pegawai MySMJ (Profler Daerah) bagi tujuan verifikasi serta dapat mempercepatkan proses tindakan.

16. S: Siapakah yang boleh dihubungi untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah Tahun 2026?

J: Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkenaan Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah boleh diperoleh melalui saluran berikut:

- i. Hotline Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah: [Talian Telefon: 088 369 472/473/474/475/476/477/478/446 atau Talian Whatsapp: 010 – 5828207];
- ii. Whatsapp Komuniti di setiap Daerah
- iii. E-mel rasmi Program Sentuhan Kasih Rakyat Negeri Sabah. sentuhankasih@sabah.gov.my; atau
- iv. MySMJ Profler Daerah di Pejabat Daerah

17.S: Saya layak untuk menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat, adakah dibolehkan sekiranya saya menggunakan akaun bank individu lain untuk terima bantuan tersebut?

J: Tidak. Sebarang transaksi pembayaran bantuan hanya akan dibuat ke akaun bank penerima yang layak, iaitu **nama pemilik akaun bank hendaklah sama seperti yang tertera pada kad pengenalan penerima**. Penggunaan akaun bank individu lain adalah tidak dibenarkan, kecuali tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan.

18.S: Kenapakah saya perlu kemaskini akaun bank?

J: Pengemaskinian akaun bank diperlukan untuk memastikan akaun bank penerima adalah tepat dan betul sebelum agihan dilaksanakan. Maklumat akaun bank yang kurang tepat/salah akan menyebabkan agihan tersekat. Maklumat

akaun bank juga diperlukan untuk memudahkan proses agihan di fasa-fasa seterusnya.

19.S: Kenapakah bantuan saya belum masuk, dalam sistem saya merupakan penerima yang layak?

J: Bagi penerima yang layak namun masih belum menerima bantuan, faktor kewujudan isu tersebut adalah disebabkan maklumat akaun bank yang tidak tepat/salah. Mohon untuk kemaskini maklumat akaun segera di pautan <https://syukur.sabah.gov.my/>.

20.S: Bilakah agihan tunai bagi penerima yang tidak mempunyai akaun bank?

J: Makluman pembayaran akan dimaklumkan melalui laman Facebook rasmi Sekretariat Sabah Maju Jaya <https://www.facebook.com/SekretariatSMJ> setiap kali agihan dilaksanakan.

21.S: Bagaimanakah proses mekanisme pelaksanaan agihan tunai dari segi lokasi dan kaedah pelaksanaan?

J: Penerima boleh menuntut agihan;

Lokasi : Cawangan Perbadanan Pinjaman Sabah (SCC) di seluruh Sabah.
Kaedah pelaksanaan : Agihan disalurkan secara tunai.

22.S: Di manakah Cawangan Perbadanan Pinjaman Sabah?

J: Semak pautan berikut untuk mengetahui cawangan Perbadanan Pinjaman Sabah di seluruh daerah.
https://www.sabahcredit.com.my/link/contactus/ibu_pejabat.html

23.S: Apakah dokumen yang diperlukan ketika membuat tuntutan tunai Program Sentuhan Kasih Rakyat?

J: Dokumen yang diperlukan;

Salinan Kad Pengenalan yang wajib disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Bagi KIR yang telah meninggal dunia/ tidak dapat dijejaki/sakit terlanjar, waris dibenarkan untuk menerima Program Sentuhan Kasih Rakyat dengan menyediakan dokumen yang berikut ketika membuat tuntutan tunai

1. 2 Salinan Kad Pengenalan yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
2. Salinan Sijil Nikah/Sijil Kematian

3. 2 Salinan Surat Beranak Waris yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

24.S: Bagaimanakah mekanisme agihan Program Sentuhan Kasih Rakyat kepada waris?

J: Mekanisme agihan Program Sentuhan Kasih Rakyat kepada waris adalah seperti berikut:

1. Pembayaran tunai akan melibatkan penerima yang tidak mempunyai akaun bank dan akan disalurkan melalui akaun waris. **Senarai waris merupakan Ahli Isi Rumah yang telah disahkan di dalam sistem eKasih.** Senarai penerima yang boleh diwariskan secara tunai dan bank in.

2. Waris bagi pihak penerima dibenarkan dengan syarat penuntut membuktikan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan syarat yang ditetapkan dengan membawa salinan Kad Pengenalan waris yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Senarai keutamaan waris adalah seperti berikut berdasarkan kaedah yang digunakan bagi maksud pencen terbitan seperti berikut;

- i. Pasangan suami/isteri (sijil nikah); **atau**
- ii. Anak (surat beranak); **atau**
- iii. Ibu/bapa waris (surat beranak).

25.S: Apakah keadaan KIR yang membenarkan waris sebagai penerima Program Sentuhan Kasih Rakyat?

J: Keadaan KIR yang membenarkan waris sebagai penerima Program Sentuhan Kasih Rakyat:

Waris Akaun (dibenarkan menggunakan akaun waris bagi keadaan berikut)	Waris Tunai (Waris dibenarkan menuntut tunai)
KIR di penjara	KIR di penjara
KIR meninggal dunia	KIR meninggal dunia
KIR mempunyai masalah kesihatan fizikal dan mental	KIR mempunyai masalah kesihatan fizikal dan mental
KIR tidak dapat dijejaki (tidak dapat dihubungi atau dikesan keberadaannya)	
KIR Muflis	

26.S: Bagaimanakah agihan SYUKUR dilakukan bagi penerima tanpa akaun bank?

J: Penerima yang layak tapi tidak mempunyai akaun bank atau menghadapi masalah maklumat bank telah diselaraskan untuk menuntut bantuan secara tunai di Perbadanan Pinjaman Sabah pada tarikh yang akan ditetapkan. Sila bawa bersama salinan kad pengenalan yang telah disahkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan dokumen-dokumen yang berkaitan.

27.S: Mengapa nama individu tersenarai dalam eKasih tetapi tidak wujud dalam sistem SYUKUR?

J: Sila buat permohonan baharu di pautan berikut: <https://padans.sabah.gov.my/>

28.S: Bagaimanakah cara menyemak status permohonan?

J: Cara semak status permohonan SYUKUR ialah;

- i. Layari portal rasmi SYUKUR <https://syukur.sabah.gov.my>.
- ii. Klik Butang “Semak” Pada bahagian “Semakan Permohonan” di sebelah kiri skrin utama.
- iii. Masukkan Nombor MyKad.
- iv. Isikan nombor kad pengenalan (MyKad) anda tanpa sengkang (contoh: 123456789012).
- v. Klik “Semak” untuk melihat status kelayakan permohonan anda.
- vi. Lihat Status untuk mengetahui kelayakan seperti “Layak”, “Tidak Layak”, atau “Tiada dalam rekod” akan dipaparkan.

* Nota: Jika nama anda tiada dalam rekod atau tidak wujud dalam system, pastikan nombor MyKad dimasukkan dengan betul. Jika masih tiada rekod, ini bermaksud nama anda tiada dalam rekod, atau masih perlu melalui proses verifikasi.

PADANS

29.S: Bagaimanakah cara mengubah kata laluan?

J: Sekiranya terlupa kata laluan, anda boleh menekan butang “**Lupa Kata Laluan**” di bahagian bawah halaman log masuk. Berikut adalah tatacara penukaran kata laluan:

- i. Pastikan kata laluan **melebihi 8 aksara serta mengandungi huruf kecil, huruf besar, nombor dan aksara khas**. Kemudian, tekan butang "Reset Kata Laluan"
- ii. Peranti akan memaparkan bahagian utama log masuk yang bermaksud kata laluan Berjaya dikemas kini

30.S: Apakah yang perlu dibuat jika email salah semasa pendaftaran?

J: Berikut adalah tatacara salah masukkan email ketika pendaftaran PADANS:

- i. **Email yang didaftarkan salah tetapi nombor kad pengenalan adalah betul.**
Proses pemadaman akaun dalam sistem perlu dilakukan. Mohon kerjasama anda untuk menghubungi MySMJ:Profiler di Pejabat Daerah berhampiran.
- ii. **Email yang didaftarkan betul tetapi nombor kad pengenalan adalah salah.**
Anda boleh membuat permohonan baru menggunakan email yang berbeza. Kemudian, Anda boleh membuat pemadaman akaun dengan memasukkan nombor kad pengenalan yang salah tersebut.

31.S: Apakah maksud kad pengenalan telah berdaftar?

J: Nombor kad pengenalan tersebut telah didaftarkan dalam sistem PADANS. Sila berhubung dengan Pegawai MySMJ: Profiler di Pejabat Daerah untuk mengemaskini maklumat.

* Nota: Pendaftaran hanya boleh dilakukan sekali Sahaja.

32.S: Mengapa tidak dapat log masuk walaupun kata laluan dan nombor kad pengenalan betul?

J: Sekiranya telah mendaftar akaun, sila tekan butang 'Sahkan Akaun' yang terdapat dalam emel yang diterima terlebih dahulu kemudian log masuk untuk kemaskini maklumat.

33.S: Mengapa tidak dapat pindah ke bahagian seterusnya dalam borang?

J: Untuk makluman, maklumat Ketua Isi Rumah (KIR) perlu dilengkapkan sepenuhnya terlebih dahulu dan menekan butang "Kemaskini Maklumat" untuk tujuan penyimpanan. Seterusnya, pemohon boleh mengisi maklumat Ahli Isi Rumah (AIR) serta menjawab soalan di bahagian indikator. Setelah semua maklumat lengkap, tekan butang "Sahkan Permohonan".

Pastikan semua maklumat telah diisi dengan betul sebelum pengesahan permohonan dibuat kerana selepas itu tiada sebarang pindaan boleh dilakukan dalam sistem.

34.S: Bagaimanakah cara mengubah jantina dan umur dalam borang permohonan?

J: Untuk makluman, jantina dan umur tidak boleh diubah kerana ia diperolehi secara automatik daripada nombor kad pengenalan.

35.S: Bagaimanakah cara mengubah nombor kad pengenalan yang salah semasa pendaftaran?

J: Nombor Kad pengenalan tidak dapat diubah. Sila buat permohonan baru menggunakan email yang berbeza.

36.S: Apakah alamat yang perlu saya isi?

J: Alamat terkini yang sedang diduduki oleh Ketua Isi Rumah (KIR).

37.S: Apakah maksud bilangan isi rumah?

J: Bilangan isi rumah merujuk kepada jumlah individu yang tinggal serumah termasuk Ketua Isi Rumah (KIR). [KIR + AIR = Bilangan Isi Rumah]

38.S: Adakah diwajibkan memuat naik slip gaji?

J: Tidak, slip gaji tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, **dokumen sokongan diperlukan sebagai bukti tambahan bagi menyokong permohonan**. Sekiranya tidak mempunyai slip gaji, sila buat **pengesahan pendapatan** dan muat naik ke dalam sistem.

* Nota: Pengesahan pendapatan boleh disahkan oleh pihak berikut: **Majikan, Pegawai, Ketua Kampung, Ketua Anak Negeri, atau Pesuruhjaya Sumpah.**

39.S: Apakah maksud OKU berdaftar?

J: OKU Berdaftar merujuk kepada individu Orang Kurang Upaya (OKU) dan telah didaftarkan secara rasmi dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau badan kerajaan yang berkaitan di Malaysia.

40.S: Bagaimanakah saya ingin mengetahui DUN dan Parlimen saya?

J: Untuk mengetahui kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen anda, anda boleh menggunakan portal rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) melalui pautan berikut: <https://mysprsemak.spr.gov.my/>.

41.S: Adakah diwajibkan memuat naik gambar keadaan rumah?

J: Tidak, gambar tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, **dokumen sokongan diperlukan sebagai bukti tambahan bagi menyokong permohonan**. Sila muat naik fail anda mengikut spesifikasi berikut:

i. Saiz fail maksimum : 3MB

ii. Format yang diterima : PNG, JPG, PDF

42.S: Mengapa nombor kad pengenalan tidak wujud dalam sistem SYUKUR walaupun telah mengisi PADANS?

J: Permohonan yang diterima melalui Sistem PADANS tidak akan dipaparkan serta merta dalam semakan SYUKUR kerana masih melalui proses semakan dan verifikasi.

Status Program Sentuhan Kasih Rakyat boleh disemak dari semasa ke semasa melalui laman web <https://syukur.sabah.gov.my>.

43.S: Bagaimana jika Ketua Isi Rumah (KIR) telah meninggal dunia?

J: Sekiranya Ketua Isi Rumah (KIR) telah meninggal dunia, pihak waris perlu untuk mengemukakan maklumat berikut bagi tujuan pengemaskinian pihak kami:

- i. Nama penuh waris;
- ii. Nombor kad pengenalan (IC) waris;
- iii. Hubungan dengan Penerima;
- iv. Nama bank waris; **dan**
- v. Nombor akaun bank aktif waris.

Selain itu, untuk tujuan tuntutan di Perbadanan Pinjaman Sabah, waris perlu hadir dan membawa dokumen berikut:

- i. 2 Salinan Kad Pengenalan waris yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
- ii. Salinan sijil kematian yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- iii. 2 Salinan Surat Beranak Waris yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

* Nota: Sila pastikan semua maklumat dan dokumen adalah lengkap bagi melancarkan proses tuntutan dan pengemaskinian.

44.S: Kesalahan ejaan/maklumat selepas membuat pengesahan pendaftaran?

J: Sila hubungi pihak urus setia untuk pembetulan maklumat.

45.S: Bagaimanakah cara mengemaskini maklumat akaun bank?

J: Sekiranya mempunyai akaun bank yang aktif, sila kemaskini maklumat bank melalui sistem SYUKUR di pautan berikut: <https://syukur.sabah.gov.my>.

46.S: Apakah yang dimaksudkan dengan keadaan rumah A dan B?

J: Rumah A merujuk kepada bahagian dalam rumah, manakala Keadaan Rumah B merujuk kepada bahagian luar rumah.

SSMU